

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 27 MAC, 1982

KEPENTINGAN BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR

RENCANA PENGARANG

PARA pengkritik, terutamanya dari parti-parti pembangkang, tentu dengan cepat mengatakan tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada PAS untuk menyertai semula Barisan Nasional — dan ahli-ahli PAS ke dalam UMNO — sebagai satu muslihat pilihanraya. Kebenaran pendapat begini memanglah tidak boleh dinafikan. Tetapi ini tidak pula bermakna yang Barisan Nasional kini dalam keadaan yang lemah dan tidak boleh menghadapi tentangan PAS atau lain-lain parti pembangkang. Tujuannya adalah semata-mata untuk perpaduan negara yang lebih teguh.

Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya kali ini tetap terjamin walaupun sekiranya pemimpin-pemimpin PAS terus menolak tawaran tersebut. Tetapi akibatnya ialah perpecahan yang berterusan diantara umat Islam di negara ini, yang bukannya akan melemahkan Barisan Nasional tetapi umat dan agama Islam sendiri. Seperti yang ternyata di negara-negara

Islam yang lain, perpecahan antara umat Islam dalam sebuah negara dan antara sebuah negara Islam dengan negara Islam yang lain akhirnya melemahkan perjuangan sebenar Islam di dunia menentang musuhnya.

Perpecahan serta akibatnya yang beginilah yang tidak diingini oleh Perdana Menteri. Tetapi kemungkinannya pula tidak boleh ditolak. Bibit-bibitnya sudah pun jelas. Isu kafir-mengkafir telah meninggalkan kesan buruk yang bukan sedikit terhadap masyarakat Islam, khususnya di Kelantan dan Terengganu. Jika dibiarkan berlanjutan kesan itu akan bertambah buruk dan usaha kita untuk memajukan rakyat dan negara nescaya akan terjejas. Kita akan lebih banyak menghabiskan masa dan tenaga berusaha membendung perpecahan serta membina semula runtuhannya daripada melaksanakan pembangunan.

Kerana itu, demi kepentingan bangsa, agama dan tanahair, seperti yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir, beliau

buat kesekian kalinya membuat tawaran demikian kepada PAS dan ahli-ahlinya. Jika pemimpin-pemimpin PAS sendiri, seperti yang mereka dakwa, juga berjuang untuk kepentingan yang sama, tidak ada sebab mereka patut menolaknya. Soal pertentangan ideologi sebenarnya tidak wujud. PAS telah pun pernah menyertai Barisan Nasional dari tahun 1974 hingga 1977. Ia keluar semula bukanlah kerana perbezaan ideologi tetapi tindak-tanduk pemimpin-pemimpinnya. Ideologi juga jelas tidak penting bagi mereka, seperti yang terbukti dari persefahaman mereka dengan DAP dalam pilihanraya yang lepas. Tetapi jika mereka menolak, pertanyaan yang timbul ialah apakah matlamat perjuangan mereka yang sebenarnya? Hendak ke manakah mereka membawa ahli-ahli PAS yang begitu setia menyokong mereka selama ini? Dan, jika perjuangan mereka untuk kepentingan yang lain, wajarkah lagi ahli-ahli PAS terus memberikan sokongan kepada mereka?